

UEM Edgenta Raih Peningkatan Untung Bersih Kepada RM45.7 Juta Pada Tahun Kewangan 2022, Isytihar Dividen 4 Sen

Rumusan Keputusan Kewangan Tahun Kewangan 2022

- **Pendapatan** sebanyak RM2.5 bilion
- **Keuntungan** bersih sebanyak RM45.7 juta
- Pembayaran **dividen** interim peringkat pertama sebanyak 4 sen sesaham, memberikan hasil dividen sebanyak 4.2%
- **Aliran tunai** kukuh sebanyak RM247.9 juta
- **Jumlah kontrak** pada tahun kewangan 2022 berjumlah RM1.36 bilion – Pertumbuhan 30% tahun ke tahun hasil sokongan perniagaan Antarabangsa & Penjagaan Kesihatan

KUALA LUMPUR, 1 Mac - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang terkemuka di rantau ini, mencatat keuntungan bersih yang lebih tinggi sebanyak RM45.7 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 (“TK2022”), berbanding RM43.4 juta pada tahun sebelumnya (“TK2021”) dan terus kekal berada di landasan yang tepat dengan mengisytiharkan dividen interim peringkat pertama yang lebih tinggi sebanyak 4 sen sesaham bagi TK2022, memberikan hasil dividen sebanyak 4.2% kepada pemegang saham (berbanding harga saham dagangan terakhir pada 27 Feb 2023) (TK2021:3 sen).

Berdasarkan kejayaan kontrak dan pertumbuhan antarabangsa, pendapatan Syarikat meningkat sebanyak 10.1% kepada RM2.5 bilion berbanding RM2.3 bilion pada tahun sebelumnya. Keuntungan bersih yang dinormalisasi pada TK2022 dicatatkan meningkat kepada RM62.9 juta berbanding RM57.3 juta pada TK2021.

Bagi suku keempat TK2022, Syarikat mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM21.0 juta dengan pendapatan sebanyak RM710.5 juta berbanding keuntungan bersih sebanyak RM4.4 juta dan pendapatan sebanyak RM646.2 juta pada suku ketiga TK2022.

Mengulas mengenai pencapaian ini, Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, barisan teratas atau pertumbuhan pendapatan Syarikat berada pada paras tertinggi sepanjang tahun yang dilaporkan, melepasi tahap sewaktu pra-Covid, manakala barisan terbawah mengukuhkan perniagaan dan kewangan Syarikat, walaupun menghadapi pelbagai tekanan luaran seperti kekhawatiran gaji, inflasi global dan gangguan rantai bekalan.

“Ini mencerminkan momentum pertumbuhan yang kukuh hasil pelaksanaan *Edgenta of the Future 2025* (“*EoTF 2025*”) di samping kehadiran antarabangsa Syarikat melalui keupayaan teknologi &

kemampuan semasa, sejajar dengan peralihan Syarikat untuk menjadi Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu antarabangsa yang didayakan teknologi.

“Disokong oleh perkhidmatan berkualiti dan keupayaan teknologi Syarikat, kami mencatatkan kemenangan buku pesanan yang kukuh sebanyak RM1.36 bilion bagi tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 30% daripada tahun sebelumnya. Dengan 62% daripada kemenangan baharu datang daripada pasaran antarabangsa dan lebih daripada 60% adalah kontrak baharu penjagaan kesihatan, Syarikat terus memanfaatkan kedudukan pasaran kukuh dalam pasaran operasi yang sedia ada sambil menguasai bahagian pasaran dalam pasaran pertumbuhan tinggi,” tambah beliau.

Bahagian Perkhidmatan Sokongan Penjagaan Kesihatan (“HSS”) kekal memperoleh kontrak baharu di Malaysia, Taiwan dan Singapura, dan ini adalah bukti kredibiliti kami dalam menyokong sektor penjagaan kesihatan di negara-negara ini di samping terus berkembang dan menawarkan penyelesaian penjagaan kesihatan bersepadu seperti perkhidmatan Penggantian Melalui Penyelenggaraan dan mempelbagaikan jenis pelanggan dalam sektor berhampiran, seperti semikonduktor dan hospitaliti.

“Peluasan perniagaan antarabangsa UEM Edgenta akan terus dimajukan lagi tahun ini, dalam bidang Pengurusan Fasiliti Bersepadu dan penggunaan penyelesaian platform SaaS. Portfolio dan profil kewangan kami akan dipertingkatkan lagi melalui pelaburan semula ke dalam pasaran pertumbuhan baharu serta produk dan teknologi di negara-negara berkembang di *Gulf Cooperation Council* (GCC), khususnya di Kerajaan Arab Saudi (KSA)” kata Syahrizam.

Bagi unjuran 2023, Syarikat terus memperluaskan sayap ke pasaran antarabangsa di mana permintaan untuk perkhidmatan berdaya teknologi berkualiti semakin meningkat, sambil mengekalkan portfolio jangka panjang di Malaysia. Strategi pertumbuhan terus dilaksanakan melalui pendekatan pelbagai serampang, memanfaatkan peluang pertumbuhan bukan organik dan perkongsian kolaboratif bersama rakan kongsi strategik Syarikat, disokong oleh kedudukan kewangan Syarikat yang kukuh.

Walaupun berdepan tekanan ekonomi makro, Syarikat kami terus membina asas yang kukuh dan bersedia ke arah membina francais Edgenta di persada dunia. Disokong oleh strategi EoTF25 dalam memacu transformasi berasaskan teknologi, mengembangkan jejak perniagaan kami di peringkat antarabangsa adalah langkah kemajuan sejajar dengan peningkatan rantai nilai di dalam pasaran sedia ada dan baharu dalam bidang pengurusan kemudahan pintar dan penyelesaian penjagaan kesihatan bersepadu,” tambah beliau.

Tumpuan utama bagi tahun 2023 adalah untuk memanfaatkan kemajuan teknologi UEM Edgenta dalam bidang perundingan, pemerolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan,

serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf, sekaligus meletakkan Syarikat pada kedudukan utama yang mendapat manfaat oleh ekonomi yang semakin berkembang.

“Kami menjangkakan rancangan kami akan dapat dilaksanakan kerana kami amat berpuas hati dengan tahap kemajuan UEM Edgenta sejak usaha strategik bersepadu kami dua tahun lalu untuk mengeksport kepakaran kami ke kawasan pertumbuhan utama dan bekerjasama dengan rakan kongsi di KSA,” kata Syahrulizam.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.umedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.